

09 MAR 2002

Singapura-Malaysia

KERJA PENAMBAKAN LAUT DIJALANKAN DI WILAYAH S'PURA, KATA S'PURA

Oleh: Tham Choy Lin

SINGAPURA, 9 Mac (Bernama) -- Singapura sekali lagi menjelaskan bahawa kerja-kerja penambakan laut yang dijalankan di Selat Tebrau adalah dalam wilayahnya dan menyifatkan sebagai "tidak berasas" dakwaan Malaysia bahawa ia mungkin memberi kesan kepada laluan kapal di kawasan itu.

Dalam satu kenyataan dua perenggan, jurucakap Kementerian Luar berkata kerja-kerja penambakan laut dijalankan mengikut hak Singapura dan undang-undang antarabangsa.

"Mulanya, kami diberitahu bahawa kami memasuki wilayah Malaysia. Selepas Singapura menyangkal dakwaan ini, kami sekarang diberitahu bahawa kerja-kerja penambakan laut yang dijalankan dalam wilayah kami, mungkin memberi kesan kepada laluan kapal. Dakwaan ini tidak berasas mengikut undang-undang antarabangsa.

"Singapura mengulangi bahawa kerja-kerja penambakan laut dijalankan sepenuhnya dalam wilayah Singapura sendiri dan semua kerja itu dijalankan mengikut undang-undang antarabangsa," kata jurucakap itu.

Malaysia menyuarakan kebimbangan bahawa kerja-kerja penambakan laut oleh Singapura mungkin menyebabkan perairan yang memisahkan kedua-dua negara menjadi sempit dan memberi kesan kepada ekologi serta menjejaskan pendapatan nelayan di kawasan itu.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata Singapura perlu memberi jaminan bahawa kerja-kerja penambakan laut itu tidak menjejaskan garisan laut terdalam antara kedua-dua negara kerana ini penting bagi laluan kapal.

Dr Mahathir berkata beliau berpendapat kerja-kerja penambakan laut yang dijalankan di Pulau Tekong tidak akan menjejaskan laluan ke Pelabuhan Pasir Gudang di Johor.

Beliau berkata isu itu belum sampai ke peringkat yang ia perlu dibawa ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa atau mahkamah dunia.

Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong berkata beliau tidak faham mengapa media Malaysia memainkan isui itu sedangkan kerja-kerja penambakan laut dilakukan dalam wilayah Singapura.

-- BERNAMA

TCL FAZ